

D161

B 8091 AAB  
NAM - PM REAKSI  
DARIPADA MUSA SCULLY  
(I)

HARARE, 4 SEPT (BERNAMA) -- UCAPAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD PADA HARI KETIGA PERSIDANGAN KEMUNCIAK PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI (NAM) KALI KELAPAN SEMALAM MENDAPAT SAMBUTAN YANG SANGAT BAIK.

PERDANA MENTERI DALAM UCAPANNYA SELAMA SETENGAH JAM MENGUMUMKAN PELANCARAN SURUHANJAYA SELATAN, MENYERU PROGRAM TINDAKAN PEMBIAYAAN BERSAMA UNTUK MEMBANTU PENDUDUK KULIT BERWARNA DALAM MENGHADAPI AFRIKA SELATAN.

PERDANA MENTERI JUGA MERAYU VIETNAM MENIMBANG SEMULA CADANGAN PENYELESAIAN LAPAN PERKARA.

SEORANG PEGAWAI KANAN MALAYSIA BERKATA PENERUSI NAM ROBERT MUGABE, YANG JUGA PERDANA MENTERI ZIMBABWE PADA AKHIR UCAPANNYA JUGA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PERDANA MENTERI TERHADAP INISIATIFNYA MENUBUHKAN SURUHANJAYA SELATAN ITU.

PEGAWAI ITU BERKATA KETUA-KETUA PERWAKILAN MEMBERITAHUNYA BAHAWA UCAPAN PERDANA MENTERI ITU MEMPUNYAI BANYAK PENEKANAN DAN CADANGAN KONKRIT UNTUK MENYELESAIKAN ISU YANG DIHADAPI OLEH DUNIA KETIGA. -  
LAGI.

1940MST 04 09 86

D163

B 8092 AAB  
NAM - PM REAKSI 2 HARARE

PERDANA MENTERI MENERIMA TEPUKAN BERGEMURUH SETELAH SELESAI BERUCAP DAN BEBERAPA PEMIMPIN ASIA DAN AFRIKA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADANYA KETIKA BELIAU MENINGGALKAN DEWAN PERSIDANGAN ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERPAKAIAN KOT KELABU KELIHATAN TENANG KETIKA MUNCUL DI DEWAN COURTAUD BERHAMPIRAN HOTEL SHERATON UNTUK BERUCAP PADA SATU PERHIMPUNAN WARTAWAN ANTARABANGSA YANG TELAH TERTANGGUH.

BELIAU SEPATUTNYA MENEMUI WARTAWAN ITU LEBIH AWAL TETAPI DITANGGUHKAN KERANA UCAPAN PRESIDEN SARMORA MARCHEL DARI MOZAMBIQUE PANJANG DAN MEMAKAN MASA YANG LAMA.

DALAM TEMPOH DUA HARI AKAN DATANG, PERDANA MENTERI AKAN MENEMUI BEBERAPA PEMIMPIN UNTUK PERBINCANGAN DUA HALA TERMASUK DARI ZIMBABWE, INDIA, YUGOSLAVIA, ARAB SAUDI, NIGERIA, INDONESIA, TANZANIA, PERU, PAKISTAN, SRI LANKA DAN MESIR.

PETANG SEMALAM, BELIAU MENEMUI PERDANA MENTERI INDIA, RAJIV GANDHI DI BILIK KENAMAAN PUSAT PERSIDANGAN ITU. MAKLUMAT MENGENAI PERBINCANGAN ITU BELUM DIUMUMKAN.

PERDANA MENTERI INDIA ADALAH PENERUSI NAM SEBELUM INI.

AKHBAR YANG MEMPUNYAI EDARAN YANG PALING BANYAK - THE HERALD - MEMUATKAN DUA BERITA MENGENAI PERDANA MENTERI PAGI INI -- MENGENAI PELANCARAN SURUHANJAYA SELATAN DAN SERUANNYA BAGI PERPADUAN NAM. -  
BERNAMA.

1944MST 04 09 86